

SOALAN NO.: 544

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : TUAN CHE ALIAS BIN HAMID [KEMAMAN]

NO. SOALAN 544

Minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan jumlah dan kategori kes kesalahan pembalakan bagi tahun 2018 sehingga ke hari ini di seluruh negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Air, Tanah Dan Sumber Asli (KATS) melalui Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) amat komited dalam menangani isu dan kes kesalahan hutan dalam Hutan Simpanan Kekal (HSK) di Semenanjung Malaysia. Bagi membanteras dan menangani jenayah yang melibatkan HSK, JPSM dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Negeri telah melaksanakan pemantauan dan operasi yang lebih efektif seiring dengan misi dan visi untuk mengurus sumber hutan secara berkekalan.

2. Hasil daripada pemantauan dan operasi yang dijalankan, kes kesalahan hutan yang direkodkan pada tahun 2018 sehingga kini adalah sebanyak 366 kes kesalahan hutan dengan melibatkan 5 kategori kesalahan mengikut julat kadar denda dan hukuman penjara yang dikenakan seperti dalam jadual berikut:

Kategori Kesalahan Hutan Dan Bilangan Kes Kesalahan Hutan Di Semenanjung Malaysia Dari Tahun 2018 Hingga Ogos 2019 Mengikut Akta Perhutanan Negara 1984 (Akta 313)

Kategori	Bil. Kes Kesalahan Hutan
<p><u>Kategori I</u> Bagi kesalahan yang melibatkan "Denda tidak melebihi RM 500,000 dan penjara selama tempoh tidak kurang daripada satu tahun tetapi tidak melebihi dua puluh tahun" iaitu bagi kes kesalahan sekyen berikut:</p> <ul style="list-style-type: none">i. Seksyen 15 (2) iaitu mengambil hasil hutan dari HSK atau Tanah Kerajaan tanpa lesen, permit atau mengikut undang-undang.ii. Seksyen 40 (2) iaitu kesalahan memindahkan hasil hutan daripada tanah bermilik, tanah di bawah Lesen Pendudukan Sementara, Tanah Lombong atau tanah rizab tanpa Lesen Pemindah, dan Seksyen 86 iaitu melancung, atau mencacat, atau memiliki alat bagi melancung, tanda pada pokok dan kayu dan mengubah tanda sempadan.	45

<p><u>Kategori II</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Bagi kesalahan yang melibatkan penalti denda tidak melebihi antara RM 5,000, RM 2,000, RM 1,000 dan RM 500 atau hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi antara 2 tahun, 1 tahun, 6 bulan, 3 bulan atau kedua-dua denda dan penjara kepada Denda tidak melebihi RM 50,000 atau hukuman penjara tidak melebihi 5 tahun atau kedua-dua denda dan penjara. • Seksyen 25(2), 32(2), 66(4), 67(2), 68(4)(a), 69(3)(a), 81(2)(b), 82(2), 84(1), 85(2), 87, 92(3), 93(2), 96(2), 97(2), 98(2), 100 dan 107. 	241
<p><u>Kategori III</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Bagi kesalahan denda tidak melebihi RM 10,000 atau hukuman penjara tidak melebihi 3 tahun atau kedua-dua denda dan penjara. • Seksyen 47(4), 68(4)(b), 69(3)(b), 81(2)(C) dan 83(2). 	74
<p><u>Kategori IV</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Bagi kesalahan-kesalahan yang dikenakan penalti denda maksimum tidak melebihi RM 500 dipinda kepada denda tidak melebihi RM 10,000. • Seksyen 50 dan 81(a). 	6
<p><u>Kategori V</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Bagi kesalahan berterusan iaitu di bawah Seksyen 25(2) (tidak mematuhi Notis Borang 2) • Kadar penalty atau denda RM 1,000 sehari atau sebahagian daripada kesalahan itu jika didapati berterusan. 	0
<p><u>Jumlah</u></p>	366